

# 15 rumah ditenggelami banjir di Johor Bahru

BH ONLINE | Selasa, 22 Oktober 2019 | 5:42pm



Banjir di Lorong 1, Jalan Lurah 19, Kempas Baru, Kempas. - Ihsan Bomba

JOHOR BAHRU: Air banjir setinggi 1.52 meter menenggelamkan hampir 15 rumah di Kampung Ulu Pulau dan Kampung Pulau selepas lebih lima jam hujan lebat melanda sejak pagi tadi.

Komander Operasi, Pegawai Bomba Kanan II Suraini Adnan, dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Skudai, berkata Pusat Gerakan Operasi Negeri Johor menerima panggilan kecemasan kira-kira jam 1.19 tengah hari tadi.

Katanya, sebuah jentera dari BBP Skudai dengan sembilan anggota dikejarkan ke Kampung Pulau dan Ulu Pulau sebaik menerima panggilan kecemasan.

“Status terkini paras air masih meningkat berikutan air Sungai Pulau pasang menyebabkannya melimpah ke kawasan rendah.

“Operasi pemindahan mangsa juga sedang dijalankan dengan bantuan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM),” katanya dalam kenyataan, hari ini.



Anggota bomba membawa mangsa banjir menaiki bot selepas rumah mereka dinaiki air di Kampung Pulau dan Ulu Pulau. - Ihsan Bomba

Sementara itu, jurucakap Balai Bomba dan Penyelamat Larkin, berkata banjir kilat sedalam kira-kira satu meter turut melanda kawasan Jalan Lurah 19, Kempas,